

Headline	Keluarga lapan remaja lemas terima RM104,000		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	4	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,842
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,527



Keluarga lapan remaja lemas terima RM104,000

SEGAMAT 26 Feb. - Perdana Menteri dan Biro Kebajikan UMNO serta Barisan Nasional (BN) menyalurkan sumbangan sebanyak RM104,000 kepada lapan keluarga remaja yang mati lemas di Sungai Muar, Jumaat lalu, bagi meringankan beban dan upah mengerjakan haji untuk mangsa.

Pengerusi Biro Kebajikan UMNO dan BN, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, setiap keluarga menerima bantuan RM10,000 dan RM3,000 lagi untuk upah mengerjakan haji bagi semua mangsa, iaitu sumbangan peribadi Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya sebagai wakil Perdana Menteri diamanahkan menyampaikan sumbangan ini kepada waris-waris mangsa. Perdana Menteri sedih dengan apa yang berlaku dan berharap ia dapat meringankan beban ahli keluarga.

"Perdana Menteri juga menyampaikan ucapan takziah kepada semua. Walaupun dengan sumbangan ini tidak boleh menggantikan nyawa tetapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Bantuan Kepada Lapan Keluarga Mangsa Lemas di Sungai Muar, di Balai Kebajikan Islam, Taman Mewah, di sini hari ini.

Terdahulu, kira-kira 100 orang

terdiri daripada ahli biro berkenaan, ahli keluarga dan penduduk taman tersebut menghadiri majlis tahlil dan bacaan yasin untuk kelapan-lapan mangsa.

Dalam kejadian pukul 8.50 pagi itu, 14 remaja yang tinggal di taman tersebut dan merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Buloh Kasap keluar berjoging sebelum lapan daripadanya mati lemas di sungai berkenaan.

Tragedi tersebut berlaku apabila salah seorang daripada mereka tergelincir ke dalam sungai sebelum tujuh yang lain cuba membantu tetapi gagal sehingga kesemuanya mati lemas.

Abdul Azeez berkata, semangat setiaawan yang ditunjukkan tujuh sahabat tersebut bagi menyelamatkan nyawa rakan mereka adalah sangat murni serta terpuji.

Dalam sidang akhbar selepas itu, beliau yang juga Pengerusi Tabung Haji (TH) berkata, kesemua keluarga mangsa bersetuju melakukan upah haji (badal haji) yang akan dilaksanakan pada Julai atau Ogos ini.

Mengenai rancangan keluarga mangsa mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor yang mengorek pasir di sungai itu, beliau berkata, pihaknya sudah meminta Ketua UMNO Bahagian Segamat, Zahari Sarip, untuk menyediakan khidmat peguam.

Terdahulu, kira-kira 100 orang



ABDUL AZEEZ ABUDL RAHIM (dua dari kiri) bertanya sesuatu kepada ibu-ibu remaja mati lemas pada majlis menyampaikan sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada ahli keluarga mangsa di Balai Kebajikan Islam Taman Mewah, Buloh Kasap, Segamat, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD